

um 16/7 1996

15 tahun

Oleh **ABDUL AZIZ ISHAK**
[PENGARANG BERITA UTUSAN]

SESIAPA sahaja secara jujur pasti mengakui bahawa Malaysia adalah antara segelintir negara yang membuktikan rekod cemerlang daripada segi kestabilan politik, ekonomi dan keharmonian.

Sedang rakyat sebahagian negara membangun tenggelam punca kerana ketidaktentuan dan masalah kepimpinan, Malaysia sudah menampilkan 'wajah masa depan yang gemilang' untuk rakyatnya.

Segala-gatannya bukan muncul secara tiba-tiba atau kebetulan. Ia banyak bergantung dan ditentukan oleh kepimpinan.

Sekali lagi diakui bahawa Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menjadi orang yang banyak mencorakkan maruah dan martabat negara bagi tempoh 15 tahun kebelakangan ini. Dengan menampilkan kepimpinan yang berkualiti, negara kecil Malaysia kini 'berjaya besar'. Beliau juga mengubah psikologi rakyat, daripada dibelenggu perasaan rendah diri kepada keyakinan baru.

Hari ini, genap 15 tahun Dr. Mahathir menjadi Perdana Menteri. Terlalu banyak yang telah beliau lakukan dalam menjana perubahan sejak mengangkat sumpah jawatan tersebut pada 16 Julai 1981.

Beliau mengorak langkah hari demi hari dengan keinsafan bahawa tugas yang paling besar dan rumit adalah untuk mengisi dan menjayakan kemerdekaan yang telah dicapai sejak 1957 itu.

Dr. Mahathir bukan sekadar mahu meneruskan kepimpinan tiga Perdana Menteri yang lalu. Jauh daripada itu, beliau mahu mengubah 'isi' rakyat supaya menerima manfaat paling besar dan berpaujangan, sekali gus mengangkat martabat bangsa.

Sebab itu, Dr. Mahathir lebih menonjol daripada Perdana Menteri terdahulu iaitu Tunku Abdul Rahman Putra (Ogos 1957 - September 1970), Tun Razak Hussein (September 1970 - Januari 1976) dan Tun Hussein Onn (Januari 1976 - Julai 1981).

Memang dalam banyak segi beliau berbeza dengan tiga Perdana Menteri terdahulu. Beliau tidak dari keluarga bangsawan dan bukan berkelulusan undang-undang.

Tanpa mendakikan sumbangan Almarhum Tunku Abdul Rahman, Allahyarham Tun Razak dan Allahyarham Tun Hussein, Dr. Mahathir dilihat lebih proaktif, global, bijak, berani dan berwawasan. Keistimewaan yang paling ketara ialah beliau mempunyai budaya yang kuat dalam melakukan, menagahi dan menjayakan perubahan.

Bagi Perdana Menteri, perubahan sahaja yang mampu mengubah nasib bangsa Malaysia dalam erti kata sebenar. Bahaya paling besar yang menimpa manusia ialah kesukaran melakukan dan menangani perubahan. Kegagalan melihat elemen perubahan me-

nyebabkan banyak negara dan masyarakatnya kecondang.

Atas kesedaran itulah, Dr. Mahathir sentiasa menggerakkan perubahan sepanjang 15 tahun kepimpinannya. Beliau juga kelihatan relevan dalam kebanyakan masa dan mampu bertahan begitu lama di puncak politik. Bukan beliau tidak pernah diuji sama ada di dalam mahupun luar; tetapi setiap kali ujian, Dr. Mahathir bukannya mendapat kekuatan baru.

Cara beliau menangani peristiwa pemilihan UMNO 1987 yang pada mulanya dikhuatiri membawa malapetaka kepada negara dan keberaniannya menegur tanpa rasa takut negara-negara maju dalam isu-isu antarabangsa, memperlihatkan Dr. Mahathir bukan sebarang pemimpin.

Pada kaca mata rakyat, Perdana Menteri menguruskan negara pelbagai kaum ini dengan baik. Di kalangan ahli politik, pendekatan berpolitik Dr. Mahathir menjamin kestabilan. Di kalangan pengkritiknya, Dr. Mahathir selalu menyebabkan mereka menelan kritikan mereka.

Lihatlah bagaimana Perdana Menteri menjayakan industri automobil - daripada dilingkari kritikan akhirnya berubah kepada pengiktirafan. Begitu juga beberapa dasar seperti Kepimpinan Melalui Teladan, Pandang Ke Timar, Persyarikatan Malaysia dan Penswastaan.

Keistimewaan

Beliau meningkatkan kecekapan jentera kerajaan, menggerakkan sistem kerja yang lebih berkesan dan memberi persepsi sepatutnya terhadap golongan tertentu termasuk kebajikan dan guaman bahawa 'mereka juga manusia yang terdedah dengan kelemahan dan kesilapan'.

Satu lagi keistimewaan Perdana Menteri ialah beliau mampu menterjemahkan segala cita-citanya menjadi kenyataan.

Sebelum menjadi Perdana Menteri lagi, Dr. Mahathir sudah menyimpan banyak cita-cita untuk bangsa. Antaranya beliau tidak mahu bangsa Malaysia terus 'dijajah'. Visi dan falsafah Dr. Mahathir sebenarnya sudah boleh direnungi sejak beliau menghasilkan buku *Malay Dilemma*.

Selain itu, era Dr. Mahathir menyaksikan kebangkitan Islam dengan cara yang lebih terhormat dan berkesan. Pengertian Islam, walaupun sudah menjadi agama rasmi turut dipertingkat melalui Penerapan Nilai-Nilai Islam dalam pentadbiran kerajaan. Beliau selalu mengingatkan bahawa Islam bukan sahaja untuk diamalkan sebagai ibadat seharian tetapi sebagai cara hidup untuk kehidupan lebih baik.

Penubuhan Universiti Islam Antarabangsa (UIA), Bank Islam, Institut Ketahanan Islam Malaysia (IKIM), sistem kewangan Islam dan sistem pendidikan negara yang me-

Mahathir

Dr. Mahathir melangkah dengan penuh yakin untuk menjelmakan Malaysia sebagai negara maju yang bermartabat. Bidang-bidang teknologi tinggi seperti angkasa lepas, teknologi maklumat dan telekomunikasi — di mana Malaysia dahulunya ketinggalan — kini memacu kemajuan negara.

Di sebalik itu, agenda utama Dr. Mahathir tetap untuk menjamin kesejahteraan rakyat khususnya membasmi kemiskinan. "Tidak bermakna kita maju kalau ada sebahagian rakyat yang terus miskin," katanya sambil mengingatkan bahawa usaha membasmi kemiskinan perlu digerakkan oleh semua.

Dengan kata lain, beliau tidak mahu Malaysia megah dengan projek raksasa semata-mata, tetapi yang lebih penting ialah melahirkan masyarakat yang lebih berjaya dan mampu bersaing. Dr. Mahathir lebih percaya modal terbaik untuk membebaskan rakyat daripada belenggu kemiskinan ialah menerusi perubahan nilai dan sikap.

"Jika semua dasar dan program yang saya perkenalkan gagal tetapi wujud satu perubahan progresif dalam sistem nilai orang Melayu serta rakyat Malaysia hingga mereka lebih mampu bersaing dan berdikari, saya menganggap diri saya sudah memberi sumbangan bermakna kepada negara," katanya.

Membuka perubahan

Seperti yang selalu disebut, kemerdekaan tidak memberi makna selagi negara dan rakyatnya tidak dihormati dan berdaya maju.

Apa sekalipun, Dr. Mahathir sedar bahawa masih terlalu banyak perlu dilakukan untuk rakyat dan negara.

Sajak beliau, "Perjuangan Yang Belum Selesai", sudah cukup menggambarkan betapa agenda rakyat perlu digerakkan sepanjang masa menerusi budaya bekerja keras.

Dengan budaya dan matlamat yang sama, Dr. Mahathir sekali lagi membuka perubahan menerusi Wawasan 2020. Apa yang beliau cetuskan memerlukan tindakan penyudah oleh rakyat. Tetapi rakyat tidak lagi boleh bergantung semata-mata kepada Dr. Mahathir untuk mengubah impian itu menjadi kenyataan.

Dalam pada itu, ukuran untuk menilai Dr. Mahathir juga tidak lengkap sekiranya tidak dibuat berterus-terang sebagaimana yang beliau sendiri mahukan ketika berucap mengumumkan pencernaan Wawasan 2020.

Sememangnya beliau sebagai manusia biasa 'mempunyai kekurangan dan kelemahan tertentu' mengikut para penganalisis berdasarkan kayu ukur masing-masing; tetapi itu semua tidak mencatitkan reputasinya sebagai negarawan ulung.

Apa pun, rakyat masih memerlukan Dr. Mahathir untuk menerajui negara menuju kegemilangan.

nekankan ke arah melahirkan insan sempurna, adalah sebahagian daripada usaha itu.

- Dalam pada itu, kelembapan ekonomi pada pertengahan 1980-an memberi cabaran besar kepada kerajaan pimpinan Dr. Mahathir. Bagi mengatasi masalah itu, beliau membuat banyak perubahan ke atas dasar yang membalikkan pelaburan asing, perbelanjaan kerajaan dan langkah-langkah bersepadu mengawal inflasi. Berkat usaha itu, Malaysia berjaya mengekalkan pertumbuhan ekonomi melebihi lapan peratus dalam tempoh lapan tahun berturut-turut. Ia mula dirikmati hanya lima tahun selepas Dr. Mahathir menerajui tampuk pemerintahan.

Kejayaan ini dianggap satu pencapaian luar biasa bagi sebuah negara yang sedang membangun kerana bukan mudah untuk mengekalkan pertumbuhan itu. Selain menghadapi pelbagai cabaran dalam negeri, pertumbuhan ekonomi secara keseluruhannya banyak bergantung kepada iklim ekonomi antarabangsa secara keseluruhannya.

Sepanjang era Dr. Mahathir juga, Malaysia mencapai banyak kejayaan dalam dasar luarnya. Pendekatan yang diambil begitu realistik dan dinamis. Dalam bahasa yang mudah, negara lebih dihormati dan disegani justeru kelantangan dan keberanian Dr. Mahathir membetulkan orde usang dunia.

Namun kejayaan terbesarnya ialah mengubah Malaysia kepada negara perindustrian. Sepanjang kepimpinannya, Malaysia rancak dengan pelbagai aktiviti pemodenan sehingga beliau digelar Bapa Pemodenan.

Kini negara dengan menggunakan formula